

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	28/10/2019	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Pusat jagaan banjir

Warga emas baru dibedah antara 39 dipindahkan ke pusat pemindahan sementara

NOR Ashira menguruskan Ng yang baru selesai menjalani pembedahan di PPS. Gambar kecil: warga emas yang dipindahkan di pusat pemindahan.

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Seorang wanita warga emas yang baru selesai menjalani pembedahan membuang darah beku di kepala empat hari lalu terpaksa dipindahkan bertukar pusat jagaan ditunainya dinaiki air, sejak semalam.

Ng Moy, 68, antara 39 warga emas dari Pusat Jagaan Jasheria yang dipindahkan

ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Ijok, Bestari Jaya.

Difahamkan, selain Ng, terdapat seorang lagi penghuni yang menjalani pembedahan di lutut akibat kebalakangan pada Ogos tahun lalu.

Pengurus pusat jagaan itu, Nor Ashira Abidin, 45, berkata, ketika kejadian, dia dan semua penghuni sedang tidur sebelum mendengar air naik sehingga ke paras buku lali pada jam 6.30 pagi.



“Waktu itu, saya terus menyimpan barang peribadi dan berhatihati di tempat selamat dan menguruskan warga emas yang kebanyakannya uzur dan tidak mampu menguruskan diri sendiri.”

“Pada jam 11 malam, air naik hingga ke paras betis memaksa saya menghibung pihak berkuasa untuk membantu memindahkan mereka (warga emas),” katanya.

Kata Ashira, banjir kali ini disifatkan paling teruk ber-

banding dua tahun lalu dimana kebanyakannya laluan utama terpaksa ditutup akibat dinaiki air sehingga beberapa meter.

“Sepanjang 17 tahun menguruskan pusat jagaan, musibah kali ini antara yang teruk hingga semua penghuni terpaksa dipindahkan ke PPS,” katanya.

RINGKAS

1,149 mangsa dipindahkan di 5 negeri

Putrajaya: Seramai 1,149 mangsa banjir daripada 309 keluarga dipindahkan ke 13 pusat pemindahan sementara (PPS) di lima negeri, semalam.

Menurut laporan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), di Kuala Selangor, Selangor seramai 659 mangsa daripada 185 keluarga dipindahkan ke empat PPS.

Di Perak, mangsa terbahir seramai 185 daripada 42 keluarga ditempatkan di dua PPS di Kerian dan Hilir Perak.

Menurut Nadma, di Seberang Perai, Pulau Pinang pula seramai 131 mangsa daripada 35 keluarga dipindahkan ke tiga PPS di daerah itu.

Di Johor, seramai 105 mangsa daripada 24 keluarga dipindahkan ke dua PPS, masing-masing di Batu Pahat dan Pontian manakala di Jelebu, Negeri Sembilan, seramai 69 mangsa daripada 23 keluarga ditempatkan di dua PPS.

Buka PPS di Ijok

Kuala Selangor: Satu lagi Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di Ijok, di sini, bagi menampung pertambahan jumlah mangsa banjir sejak petang kelmarin.

Pengarah Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Selangor, Hafsham Mohd Noor berkata, sejak takat ini seramai 10 keluarga memabikan 32 mangsa ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Ijok yang dibuka sejak jam 4 petang semalam.

Penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan mangsa banjir di negeri ini mencecah 659 orang di empat lokasi sekitar Kuala Selangor.

“PPS di SK Parit Mahang terus merekodkan peningkatan jumlah mangsa banjir di mana sehingga pagi ini seramai 492 mangsa dari 138 keluarga ditempatkan di sekolah berkenaan.

“Sementara itu, jumlah mangsa ditempatkan di PPS Dewan Majlis Daerah Kuala Selangor Desa Coalfields masih kekal 89 orang mangsa daripada 22 keluarga.”

“Jumlah mangsa yang ditempatkan di SK Jaya Setia turut meningkat dengan seramai 48 orang daripada 15 keluarga berbanding 46 mangsa pada petang semalam,” katanya.

Katanya, PPS di SK Parit Mahang yang penuh memaksa pihaknya membuka PPS di Ijok selepas sekurang-kurangnya 10 lagi rumah dinaiki air sehingga paras satu meter.

Katanya lagi, fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku di pesisir pantai Selangor mulai awal pagi tadi juga dalam keadaan terkawal.

“Sehingga kini keadaan terkawal, pihak kami juga tidak menerima sebarang laporan terdapat banjir besar akibat air pasang besar pagi tadi (semalam),” katanya.